

SIARAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA
TM. 78/2026

14 MAC 2026

MISS SHOPHIA RAYA HAPPY HOUR SEMARAKKAN MALAYSIA SUPER SALE 2026 SEMPENA KEMPEN MELAWAT MALAYSIA 2026 (VM2026)

MIRI, SARAWAK — Program *Miss SHOPhia Raya Happy Hour* kembali memeriahkan Bintang Megamall, Miri dari 13 hingga 15 Mac 2026 sempena kempen *Malaysia Super Sale 2026*. Program selama tiga hari ini menampilkan pelbagai promosi jualan istimewa, persembahan kebudayaan dan aktiviti kekeluargaan bersempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Kempen Melawat Malaysia 2026 (VM2026).

Bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan, Tourism Malaysia dengan kerjasama **Pullman Waterfront Miri, Meritz Hotel Miri dan Miri Marriott Resort & Spa** turut mengedarkan bubur lambuk kepada para pengunjung sepanjang program berlangsung.

Majlis ini telah disempurnakan oleh **YB Tuan Chiew Choon Man**, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, bersama **YBrs. Encik Mohd Roslan Abdullah**, Pengarah Kanan Bahagian Domestik dan Acara Tourism Malaysia di Bintang Megamall hari ini. Program ini memberi tumpuan kepada *Malaysia Super Sale 2026*, iaitu salah satu daripada tiga kempen beli-belah utama tahunan negara selain *Malaysia Mega Sale* dan *Malaysia Year-End Sale*.

Dalam ucapannya, **YB Tuan Chiew Choon Man** berkata program ini bukan sahaja menggalakkan aktiviti membeli-belah, malah berupaya meningkatkan ketibaan pelawat dan merangsang perbelanjaan dalam sektor perniagaan termasuk peruncitan, hospitaliti dan pekhidmatan. Kehadiran pelawat turut menyumbang kepada kesan limpahan ekonomi jangka panjang, apabila mereka menerokai pelbagai produk pelancongan unik di Miri, sekali gus menyumbang kepada peningkatan hasil pelancongan negara.

Sebagai salah satu inisiatif utama di bawah *Malaysia Super Sale 2026*, program *Miss SHOPhia Raya Happy Hour* bertujuan menyemarakkan sektor peruncitan dan pelancongan di Miri melalui gabungan pengalaman membeli-belah dan sambutan kebudayaan yang penuh kemeriahan. Selain promosi jualan kilat oleh penyewa Bintang Megamall seperti Parkson, pengunjung daripada pelbagai peringkat usia turut berpeluang menikmati persembahan kebudayaan, demonstrasi masakan dan pelbagai aktiviti kekeluargaan.

Pada masa yang sama, beberapa ejen pelancongan terpilih turut menawarkan **pakej pelancongan domestik pada harga istimewa**, sekali gus memberi nilai tambah kepada pengunjung dan menyokong ekosistem pelancongan tempatan.

Malaysia Super Sale 2026 merupakan antara inisiatif utama kerajaan dalam merencanakan aktiviti peruncitan dan pelancongan di negara ini. Di samping itu, penganjuran program seperti ini turut memperkukuh kedudukan Miri sebagai hab kebudayaan dan beli-belah yang dinamik di Timur Malaysia serta menarik kehadiran pelawat domestik dan antarabangsa.

Melalui kempen ini, Malaysia terus komited mengetengahkan keunikan budaya, pengalaman membeli-belah dan kepelbagaian produk pelancongan ke persada dunia sempena VM2026 selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI. Sambutan sepanjang tahun ini didedikasikan untuk mempromosikan keindahan destinasi, kekayaan budaya dan keistimewaan Malaysia kepada masyarakat global.

- TAMAT -

Tourism Malaysia

Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia atau Tourism Malaysia ialah sebuah agensi di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Malaysia. Tourism Malaysia giat memfokuskan kepada tugas khusus untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan. Sejak penubuhannya, Tourism Malaysia telah muncul sebagai pemain utama dalam industri pelancongan antarabangsa.

Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026) menekankan komitmen Malaysia terhadap pembangunan pelancongan mampan, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDGs). Kempen ini bertujuan untuk mengetengahkan kepelbagaian tarikan semula jadi, kekayaan warisan budaya, serta tawaran pelancongan negara yang dinamik, di samping memacu pertumbuhan inklusif dan nilai jangka panjang buat komuniti setempat serta pemain industri.

Untuk maklumat lanjut, layari laman web Tourism Malaysia di www.tourism.gov.my serta akau media sosial rasmi di [Facebook](#), [Instagram](#), [X](#), [YouTube](#), dan [TikTok](#).

Untuk sebarang pertanyaa, sila hubungi:



Kevin Jantan Anak Robert Bidi

Timbalan Pengarah

Tourism Malaysia Wilayah Sarawak

kevin@tourism.gov.my

Tel: +608 2246 575/775 | +6019 349 7761

Norshariza binti Mohd Saad

Timbalan Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

norshariza@tourism.gov.my

Tel: +603 8891 8775

